

BERITA » Nasional  
Isnin, 19 November 2018 | 3:33pm

Cari Kata Kunci



ANTHONY Loke Siew Fook. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

## Bida nombor pendaftaran kenderaan dalam talian

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@nstp.com.my[f Share](#) [Tweet](#) [g+ Share](#)

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji pembangunan sistem perolehan nombor pendaftaran secara dalam talian yang dinamik, terbuka dan lebih telus.

Menterinya, Anthony Loke, berkata berbanding sistem tender secara manual, sistem perolehan nombor pendaftaran secara dalam talian memberi kemudahan dan kebaikan kepada rakyat.

"Antara kelebihan sistem ini ialah orang ramai boleh melihat tawaran harga yang dibuat, malah boleh menaikkan harga bidaan masing-masing mengikut kemampuan berdasarkan harga tawaran daripada orang lain.

"Pemenang akan diumumkan dan dapat dilihat oleh semua pembida dengan lebih telus. Orang ramai tidak lagi perlu berurusan di kaunter bagi tujuan mengemukakan borang tender masing-masing," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Ma'mun Sulaiman (WARISAN-Kalabakan) sama ada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh mewujudkan satu sistem baharu yang lebih telus bagi urusan tempahan nombor pendaftaran kenderaan.

Mengulas lanjut, Loke berkata, kementeriannya akan melaksanakan kajian terperinci untuk membangunkan spesifikasi dan proses aliran kerja sistem berkenaan bagi memastikan ia selamat lagi berkesan.

"Kementerian juga akan mendapatkan khidmat nasihat daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat.

"Keseluruhan proses kajian dan pembangunan sistem ini dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh antara tiga hingga enam bulan dan kementerian menjadualkan sistem yang siap sepenuhnya dapat digunakan pada awal tahun depan," katanya.



## Disyorkan



Masaf Hutan



Pulau Kukup bukan Tanah Kesultanan - Muhyiddin



5 sahabat sehidup semati



Dr Mahathir hadir beri sokongan kepada Harimau Malaya

